



GARIS PANDUAN DASAR PENEMPATAN AHLI AKADEMIK DI FAKULTI/PUSAT/INSTITUT

**Disediakan oleh:
Jabatan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar**

**Kelulusan:
Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia
Kali ke-19
Bil. 7 Tahun 2021**

Tarikh kuat kuasa : 6 September 2021



GARIS PANDUAN DASAR PENEMPATAN AHLI AKADEMIK DI FAKULTI/PUSAT/INSTITUT

A. DASAR PENEMPATAN DI FAKULTI/PUSAT

- 1) Ahli Akademik (dengan Ph.D):
 - a) Ahli Akademik yang berstatus tetap akan ditempatkan di Fakulti/Pusat berdasarkan bidang utama kepakaran/mengikut keperluan Fakulti/Pusat;
 - b) Penempatan ahli akademik yang berstatus kontrak adalah berdasarkan perancangan dan keperluan Fakulti/Pusat masing-masing; dan
 - c) Kepakaran dan perkhidmatan setiap ahli akademik boleh dikongsi antara Fakulti/Pusat/Institut.
- 2) Ahli Akademik berstatus tetap (tanpa Ph.D) yang Sedang Cuti Belajar:
 - a) ditempatkan di Fakulti/Pusat; dan
 - b) Fakulti/Pusat adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memantau laporan kemajuan cuti belajar mereka sehingga berjaya dalam pengajian.
- 3) Ahli Akademik berstatus tetap (tanpa Ph.D) yang telah tamat tempoh Cuti Belajar (Lulus Pengajian) di Fakulti/Pusat berdasarkan bidang utama kepakaran/pengkhususan mereka.
- 4) Ahli Akademik berstatus tetap (tanpa Ph.D) yang telah tamat tempoh Cuti Belajar (Belum Lulus Pengajian/Gagal):
 - a) Ahli akademik yang belum lulus pengajian tetapi telah menghantar tesis akan ditempatkan di Fakulti/Pusat berdasarkan bidang utama kepakaran/pengkhususan mereka; dan
 - b) Ahli akademik yang belum lulus pengajian/gagal pengajian tetapi mempunyai kelayakan profesional akan ditempatkan di Fakulti/Pusat.
- 5) Ahli Akademik berstatus tetap (tanpa Ph.D) yang belum Cuti Belajar (Ada Perancangan Cuti Belajar):
 - a) Ahli akademik yang belum cuti belajar tetapi mempunyai perancangan untuk cuti belajar akan ditempatkan di Fakulti/Pusat sehingga beliau cuti belajar; dan
 - b) Pemantauan bagi proses cuti belajar ahli akademik berkenaan akan dibuat oleh Fakulti/Pusat.

B. DASAR PENEMPATAN DI INSTITUT PENYELIDIKAN

- 1) Bilangan ahli akademik (*core staff*) di mana-mana institut adalah sekurang-kurangnya 5 orang pensyarah.
- 2) Pengarah Institut boleh mencadangkan kepada pihak pengurusan universiti bagi pengambilan ahli akademik yang bersesuaian daripada Fakulti/Pusat di UMT untuk pelantikan bersama (dual appointment) dan ahli bersekutu atau calon dari luar negara untuk membantu membangunkan institut.

C. DASAR PENEMPATAN BAGI SKIM LANTIKAN KHAS TENAGA AKADEMIK

- 1) Staf yang dilantik melalui Skim Lantikan Khas Tenaga Akademik sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa perlu berdasarkan kepada perancangan di Fakulti, Pusat atau Institut masing-masing.

D. DASAR PENEMPATAN BAGI TUTOR/FELOW AKADEMIK/SLAM

- 1) Tutor/Fellow Akademik/SLAM (Sedang Cuti Belajar):
 - a) Penempatan Tutor/Fellow Akademik/SLAM yang sedang cuti belajar adalah di Fakulti/Pusat/Institut;
 - b) Fakulti/Pusat/Institut adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memantau laporan kemajuan cuti belajar mereka sehingga berjaya dalam pengajian; dan
 - c) Tutor/Felo Akademik/SLAM yang telah lulus pengajian dengan mendapat pengesahan daripada universiti atau Senat universiti berkenaan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan akan dipertimbangkan pelantikan ke jawatan Pensyarah dan ditempatkan di Fakulti/Pusat/Institut berdasarkan bidang kepakaran mereka.
- 2) Tutor/Fellow Akademik/SLAM yang telah tamat tempoh Cuti Belajar (Belum Lulus Pengajian):
 - a) Tutor/Fellow Akademik/SLAM yang belum lulus pengajian akan dipantau oleh Fakulti/Pusat/Institut masing-masing; dan
 - b) Tutor/Fellow Akademik/SLAM yang gagal lulus pengajian dalam tempoh yang ditetapkan boleh ditamatkan perkhidmatan.
- 3) Tutor/Fellow Akademik/SLAM yang belum Cuti Belajar (Ada Perancangan Cuti Belajar):
 - a) Tutor/Fellow Akademik/SLAM yang belum cuti belajar tetapi mempunyai perancangan untuk cuti belajar akan dipantau bersama oleh Fakulti/Pusat/Insitut dan Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) sehingga beliau cuti belajar (6 bulan daripada tarikh pelantikan); dan
 - b) Tutor/Fellow Akademik/SLAM yang belum cuti belajar selepas tempoh 6 bulan daripada pelantikan boleh ditamatkan perkhidmatan.

D. PERTUKARAN PENEMPATAN

- 1) Ahli akademik boleh memohon pertukaran penempatan ke mana-mana Fakulti/Pusat/Institut berdasarkan kepakaran bidang penyelidikan mereka dan pertimbangan kelulusan akan dibuat setelah mendapat sokongan Ketua PTj semasa dan Ketua PTj penempatan baharu serta kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
- 2) Ahli akademik yang telah bertukar ke Fakulti/Pusat/Institut boleh kembali semula ke Fakulti/Pusat/Institut yang asal dengan sokongan kedua-dua PTj dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
- 3) Mana-mana permohonan pertukaran hanya boleh dikemukakan sekurang-kurangnya selepas tempoh 3 tahun berkhidmat di PTj semasa.